

Persepsi Guru Aliran Perdana Terhadap Inklusif

Abdul Rahim Hamdan*, Muhamad Khairul Anuar Hussin

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author : p-rahim@utm.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan secara umum persepsi umum guru aliran perdana terhadap beberapa aspek antaranya pengetahuan, kesediaan, strategi dan kekangan dan alternatif kepada penambahbaikan program inklusif daripada pandangan guru aliran perdana yang mengajar pelajar pendidikan khas di program inklusif. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang mana melibatkan 97 orang responden yang dipilih secara rawak di atas talian dengan penggunaan aplikasi 'online survey' yang ada dalam laman sosial *facebook*. Responden perlu menepati kelayakan menjawab pada bahagian demografi responden. Hasil daripada analisis mendapati kecenderungan guru aliran perdana memberikan maklum balas dengan baik yang mana peratusan yang tinggi melebihi 49.5% dalam keyakinan, kursus yang diperlukan, kesediaan dan pengetahuan dapat menggambarkan kematangan responden. Adalah diharapkan kajian ini akan memberikan manfaat kepada para guru aliran perdana dalam pengajaran mereka selain memberi peluang pelajar pendidikan khas mendapat pendidikan yang lebih baik.

Kata kunci: Inklusif, Pelajar Pendidikan Khas, Program Inklusif

PENGENALAN

Pendidikan khas ialah suatu program yang mana pelajar berkeperluan khas menerima pendidikan formal secara lebih khusus sama ada akademik mahupun bukan akademik. Selain itu dengan berpandukan kepada peruntukan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 Bahagian 1, perkara 2 (b) dan (c), bidang pendidikan khas menjadi lebih menyeluruh di mana Program Inklusif diperkenalkan. Pelajar berkeperluan khas yang boleh mengikuti pembelajaran di aliran perdana akan diberikan peluang untuk belajar bersama pelajar lain. Hal ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru pendidikan khas dan guru aliran perdana.

Walaupun begitu, terdapat banyak cabaran yang perlu ditempuh dalam melaksanakan Program Inklusif, kajian ini memberikan penekanan terhadap persepsi guru aliran perdana terhadap pelaksanaan Program Inklusif. Menurut Sheehy et al. (2005) terdapat banyak cabaran dalam melaksanakan Program Inklusif ia termasuklah sikap guru-guru yang terlibat rentetan daripada tiadanya kemahiran mengendalikan pelajar berkeperluan khas di kelas-kelas inklusif. Permasalahan yang dihadapi oleh guru aliran perdana lebih berfokus kepada pengendalian pelajar serta ekspektasi mereka terhadap pelajar berkeperluan khas.

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah guru pendidikan khas dan guru aliran perdana di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Selaras dengan pelancaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), pihak kerajaan telah memberi mandat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memperbaiki pencapaian pendidikan dan memastikan pencapaian pendidikan yang terbaik untuk semua kumpulan pelajar termasuklah pelajar pendidikan khas (Pelan Strategik Interim, 2012) serta Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah disediakan. Dalam laporan tersebut dalam Bab 4 iaitu Pembelajaran Murid, murid pendidikan khas diberikan peluang untuk berada dalam program inklusif pada kadar 30% daripada populasi semasa mereka menjelang 2015. Melalui kajian ini aspek-aspek pemahaman guru tentang pengajaran bersama, strategi pengajaran dan permasalahan akan diberikan penekanan agar pelaksanaan pengajaran bersama sebagai salah satu pendekatan dalam inklusif dapat difahami dan diberikan perhatian.

KAEDAH KAJIAN

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan menggunakan soal selidik secara *online* iaitu dengan menggunakan aplikasi *facebook*. Set soal selidik di berikan kepada kumpulan sasaran iaitu guru-guru aliran perdana yang dipilih secara daripada tiga kumpulan '*liked group*' yang dipilih dalam laman *facebook* pengkaji bagi menjawab soalan-soalan yang diberikan. Sebanyak 24 soalan dengan menggunakan skala likert dan 4 pemboleh ubah digunakan dalam kajian ini. Soalan-soalan adalah berkenaan dengan sikap seperti persediaan, strategi, sokongan dan halangan guru aliran perdana terhadap program inklusif disediakan. Seramai 150 responden telah dipilih berdasarkan kepada persetujuan awal melalui aplikasi '*private message*'. Masa selama 7 hari telah diberikan untuk responden memberikan respon kepada set soal selidik yang diberikan. Seramai 112 orang telah memberikan respon. Setelah analisis di buat 15 responden ditolak kerana tidak mengisi set soal selidik dengan lengkap dan

mereka diberikan masa 2 hari untuk melengkapkan maklumat yang diperlukan, namun kebanyakan responden memberikan maklumbalas lewat daripada jangka masa yang ditetapkan. Oleh itu sebanyak 97 maklum balas sahaja yang digunakan sebagai dapatan soal selidik. Semua jawapan yang dijawab diproses menggunakan SPSS 21.0. Keseluruhan data diproses menggunakan peratusan diskriptif dan Aplikasi Deskriptif. Menurut Wright (2005); Blankers et al. (2012) penggunaan *online survey* lebih memudahkan dapatan data kerana responden yang terlibat dapat dihubungi semula serta ia juga dapat menjimatkan kos pelaksanaan kajian.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penerimaan guru aliran perdana terhadap pelajar-pelajar pendidikan khas yang diinkluskikan. Aspek berkenaan pengetahuan, kesediaan guru dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran pelajar juga dilihat sebagai suatu perkara yang perlu diberikan perhatian agar pelajar pendidikan khas yang diinkluskikan mendapat faedah yang boleh memberikan impak yang besar kepada mereka. Strategi guru aliran perdana juga diberikan penekanan dalam kajian ini yang mana, adakah strategi khusus akan dibentuk bagi menangani keperluan pelajar di dalam kelas aliran perdana. Selain itu faktor yang menyokong atau menghalang guru aliran perdana dalam mengamalkan inklusif juga diberikan perhatian khususnya berkaitan pencapaian akademik dan keterlibatan pelajar pendidikan khas dalam peperiksaan awam yang menjadi tanda tanya dalam kalangan guru yang terlibat.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan, terdapat beberapa maklumat yang menunjukkan skor yang rendah dan skor yang tinggi. Ini bermaksud terdapat sebilangan guru yang terlibat memberikan maklumbalas yang benar-benar diperlukan. Berikut adalah maklumat demografi responden yang terlibat. Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklum balas terhadap kajian ini adalah seramai 97 orang. Maklumat responden ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu jantina, bangsa, pengalaman dan akademik. Seramai 61 orang lelaki iaitu 62.9% terlibat dalam kajian ini berbanding perempuan yang mana 36 (37.1%) sahaja yang menjawab. Terdapat 4 kumpulan bangsa yang memberikan maklum balas iaitu bangsa Melayu seramai 43 orang dengan peratusan sebanyak 44.3%, manakala bangsa Cina seramai 28 (28.9%). Bangsa India adalah seramai 25 orang iaitu 25.9% manakala lain-lain bangsa adalah seorang dengan peratusan adalah 1.0% sahaja. Dalam kajian ini pengalaman diambil kira dalam 3 bahagian iaitu pada peringkat 1-5 tahun seramai 47 orang dengan peratusan 48.5% telah menjawab soalan kajian ini. Manakala kumpulan pengalaman 6-10 tahun adalah 26 (26.8%) dan kumpulan 11 tahun ke atas adalah 24 orang iaitu (24.7%). Peringkat akademik responden pula, pada peringkat Diploma seramai 11 orang iaitu 11.3% telah terlibat. 56 orang daripada kumpulan Sarjana Muda (57.7%) dan kumpulan yang mempunyai Ijazah Sarjana seramai 30 orang dengan peratusan sebanyak 30.9%. Maklumat responden ini telah dijadualkan seperti jadual di bawah.

Jadual 1 Maklumat Responden

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Kumulatif
Jantina			
Lelaki	61	62.9	62.9
Perempuan	36	37.1	100.0
Bangsa			
Melayu	43	44.3	44.3
Cina	28	28.9	73.2
India	25	25.9	99.0
Lain-lain	1	1.0	100.0
Pengalaman			
1-5	47	48.5	48.5
6-10	26	26.8	75.3
11- ke atas	24	24.7	100
Akademik			
Diploma	11	11.3	11.3
Sarjana Muda	56	57.7	69.1
Sarjana	30	30.9	100

n=97

Berikut adalah maklumat yang telah diproses dalam bentuk deskriptif. Lima kumpulan jawapan disediakan iaitu STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), KS (Kurang Setuju), ST (Sangat Setuju) dan SST (Sangat-Sangat Setuju). Terdapat 24 soalan yang telah disediakan dan seramai 97 orang responden telah memberikan maklumbalas. Bagi soalan pertama terdapat kekerapan yang tinggi pada berkenaan dengan keyakinan guru bahawa

pelajar pendidikan khas boleh belajar iaitu sebanyak 30.9% yang berstatus Sangat Setuju. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kekurangan dalam kalangan guru sendiri berkenaan latihan yang diperoleh iaitu dengan data sebanyak 38 (49.5%) yang tidak pernah mengikuti kursus bagi mengajar pelajar pendidikan khas tetapi mereka yakin bahawa pelajar pendidikan khas mampu belajar walaupun diinkluskikan di kelas-kelas aliran perdana. Walaupun terdapat kekecewaan yang tinggi pada Soalan 3 yang mana terdapat 38.1% guru aliran perdana yang kecewa dengan pencapaian pelajar pendidikan khas. Hal ini adalah kerana guru masih belum terdedah dengan teknik penyampaian yang berkesan untuk mengajar pelajar pendidikan khas ini akibat daripada ketiadaan kursus-kursus yang sangat mereka perlukan.

Dalam aspek kepercayaan kepada kebolehan pelajar pendidikan khas bersaing dalam kelas aliran perdana, terdapat peratusan yang tinggi iaitu 37.1% yang memberikan respon Sangat Setuju. Ini dapat diperhatikan pada soalan 4 yang mana seramai 36 orang guru terasa teruja dengan kehadiran para pelajar pendidikan khas di kelas-kelas aliran perdana. Maklumat yang diberikan pada Soalan 5 menunjukkan terdapat juga guru yang mengatakan mereka percaya dengan kebolehan akademik pelajar pendidikan khas walaupun tahap akademik mereka tidak sama jika dibandingkan dengan rakan mereka yang tidak mempunyai kecacatan iaitu 40 orang dengan peratusan sebanyak 41.2%. Guru-guru juga percaya bahawa dengan mengikuti program inklusif, pencapaian akademik pelajar pendidikan khas akan meningkat dengan keyakinan daripada 26 orang guru iaitu 26.8%. Bagi Soalan 7 dan 8 ia melibatkan tahap kecacatan pelajar iaitu fizikal dan kognitif rendah (masalah pembelajaran). Skor Kurang Setuju diberikan dengan 24.7% pelajar yang mengalami kecacatan fizikal dan 44% bagi pelajar yang mengalami masalah pembelajaran. Tetapi bagi pelajar yang menunjukkan tingkah laku sederhana skor guru-guru menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 49.5% guru Sangat Setuju untuk mengajar kumpulan pelajar ini. Hal ini juga disokong dengan dapatan pada Soalan 11 yang mana guru sebanyak 37.1% menyatakan pelajar akan mencapai tahap akademik yang baik jika persekitaran sosial mereka diberikan perhatian dan skor guru seramai 43 orang (44.3%) menyatakan jika pelajar pendidikan khas ini diinkluskikan dengan lebih awal mereka akan mendapat manfaat yang lebih baik berbanding 1% sahaja guru yang tidak bersetuju.

Jika dikatakan pelajar pendidikan khas sukar untuk bersaing terdapat skor yang sangat positif daripada responden yang menolak andaian ini iaitu sebanyak 29.9% Tidak Setuju. Mereka menyatakan *self-esteem* pelajar akan lebih baik jika mereka berada dalam kelompok aliran perdana iaitu diinkluskikan. Hal ini dipersetujui oleh 27 orang guru yang mengatakan Sangat Setuju dan 21 orang guru menyatakan Sangat-Sangat Setuju. Kecenderungan pelajar pendidikan khas mengganggu pelajar aliran biasa di dalam kelas tidak menunjukkan skor yang baik dan seramai 21.6% guru menyatakan Sangat Tidak Setuju dan 28.9% mengatakan Sangat Setuju. Kenyataan ini jelas menolak andaian yang mengatakan pelajar pendidikan khas tidak mengganggu pelajar aliran perdana yang belajar bersama-sama mereka.

Bagi soalan 16-20 ia berkisar tentang strategi guru dalam menerima pelajar pendidikan khas yang mengikuti inklusif. Peratusan yang tinggi dalam kalangan guru aliran perdana iaitu 53% daripada responden mengatakan mereka sangat memerlukan latihan khusus untuk mengajar pelajar pendidikan khas. Dengan peratusan yang besar iaitu 48.5% guru Sangat-Sangat Setuju untuk melakukan perubahan fizikal kelas jika pelajar pendidikan khas di kelas mereka memerlukan perubahan tersebut. Ini jelas menunjukkan komitmen guru aliran perdana walaupun mereka tidak dilatih untuk mengajar kumpulan pelajar ini. Bagi kesediaan guru dalam menyediakan bahan bantu belajar, seramai 42 (43.3%) SangatSetuju dan 30 (30.9%) Sangat-Sangat Setuju untuk menyediakan bahan bantu belajar jika pelajar pendidikan khas memerlukannya. Guru aliran perdana juga menyatakan pembelajaran pelajar inklusif selalu menunjukkan peningkatan dan 47 (48.5%) guru menyatakan Sangat Setuju. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa jika diinkluskikan pencapaian pelajar akan meningkat.

Dalam peperiksaan awam seperti PMR dan SPM, terdapat beberapa isu berkenaan pencapaian pelajar pendidikan khas yang dikatakan merunsingkan pihak sekolah. Responden yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan sikap yang lebih positif yang mana mereka memberikan maklum balas yang baik dengan 34 (35.1%) Sangat Setuju dan 33 (34.0%) yang Sangat-Sangat Setuju dengan kenyataan bahawa mereka sedar tentang tanggungjawab menerima pelajar pendidikan khas yang mengikuti inklusif di kelas aliran perdana dengan bersandarkan kepada kemampuan setiap pelajar tersebut. Ini kerana mereka tahu dan faham tentang hak semua pelajar untuk menduduki peperiksaan awam dengan 38.1% Sangat Setuju dan 27.8% Sangat-Sangat Setuju. Kebimbangan guru terjawab dengan 41 (42.3%) guru Sangat-Sangat Setuju bahawa prestasi peperiksaan pelajar ini tidak akan menyebabkan gangguan kepada prestasi sekolah. Mereka juga faham tentang kepelbagaian pelajar yang memerlukan peluang pendidikan untuk terus mengikuti program inklusif dengan sokongan 34 (35.1%) guru bersetuju. Berikut adalah jadualmeglumat responden yang diperoleh mengikut soalan-soalan yang ada dalam borang soal selidik.

Jadual 2: Maklumbalas Responden

No	Kenyataan	STS	TS	KS	ST	SST
1	Yakin terhadap kebolehan pelajar pendidikan khas	8 (8.2%)	7 (7.3%)	24 (24.7%)	30 (30.9%)	27 (27.8%)
2	Telah mengikuti kursus pendidikan khas	38 (49.5%)	15 (15.5%)	13 (13.4%)	13 (13.4%)	8 (8.2%)
3	Kecewa mengajar pelajar pendidikan khas	37 (38.1%)	30 (30.9%)	22 (22.7%)	5 (5.2%)	3 (3.1%)
4	Teruja dengan pelajar pendidikan khas	7 (7.2%)	11 (11.3%)	27 (27.8%)	36 (37.1%)	16 (16.5%)
5	Percaya dengan kebolehan pelajar pendidikan khas bersaing dalam kelas aliran perdana	5 (5.2%)	10 (10.3%)	24 (24.7%)	36 (37.1%)	22 (22.7%)
6	Percaya dengan kebolehan akademik berdasarkan kepada perbezaan tahap kebolehan belajar	1 (1.0%)	5 (5.2%)	22 (22.7%)	40 (41.2%)	29 (29.9%)
7	Percaya pencapaian pelajar pendidikan khas akan meningkat.	11 (11.3%)	20 (20.6%)	24 (24.7%)	16 (16.5%)	26 (26.8%)
8	Lebih yakin mengajar pelajar yang mengalami kecacatan fizikal sahaja	5 (5.2%)	17 (17.5%)	44 (45.4%)	23 (23.7%)	8 (8.2%)
9	Bermasalah untuk mengajar pelajar dengan tahap kognitif rendah	8 (8.2%)	25 (25.8%)	33 (34.0%)	18 (18.6%)	13 (13.4%)
10	Boleh mengajar pelajar inklusif yang bermasalah tingkah laku sederhana	4 (4.1%)	4 (4.1%)	30 (30.9%)	48 (49.5%)	11 (11.3%)
11	Percaya pelajar pendidikan khas memerlukan pembelajaran sosial yang wujud di kelas aliran perdana.	3 (3.1%)	10 (10.3%)	28 (28.9%)	36 (37.1%)	20 (20.6%)
12	Percaya pelajar pendidikan khas boleh mencapai tahap akademik yang lebih baik jika diinkluskikan lebih awal	1 (1.0%)	8 (8.2%)	22 (22.7%)	43 (44.3%)	22 (22.7%)
13	Pelajar pendidikan khas sukar bersaing dengan pelajar aliran perdana	9 (9.3%)	29 (29.9%)	26 (26.8%)	21 (21.8%)	12 (12.4%)
14	Self-esteem pelajar pendidikan khas akan meningkat jika terus berada dalam kelas aliran perdana	1 (1.0%)	14 (14.4%)	34 (35.1%)	27 (27.8%)	21 (21.6%)
15	Pelajar pendidikan khas mengganggu pelajar aliran perdana	21 (21.6%)	28 (28.9%)	30 (30.9%)	13 (13.4%)	5 (5.2%)
16	Memerlukan kursus untuk meningkatkan kemahiran mengajar di kelas inklusif	4 (4.1%)	11 (11.3%)	30 (30.9%)	52 (53.3%)	16 (16.5%)
17	Sanggup melakukan perubahan fizikal dalam kelas jika pelajar pendidikan khas memerlukannya	3 (3.1%)	7 (7.3%)	16 (16.5%)	24 (24.7%)	47 (48.5%)
18	Bersedia menyediakan bahan bantu pembelajaran jika pelajar pendidikan khas memerlukannya	3 (3.1%)	6 (6.2%)	16 (16.5%)	42 (43.3%)	30 (30.9%)
19	Tahu tentang ketetapan semua pelajar berhak mendapat pendidikan.	3 (3.1%)	8 (8.2%)	14 (14.4%)	30 (30.9%)	42 (43.3%)
20	Pelajar pendidikan khas perlu diinkluskikan bagi meningkatkan pencapaian akademik mereka	9 (9.3%)	10 (10.3%)	31 (32.0%)	47 (48.5%)	15 (15.5%)
21	Sedar tentang tanggungjawab menerima pelajar pendidikan khas dan mengajar mengikut kemampuan mereka.	8 (8.2%)	5 (5.2%)	17 (17.5%)	34 (35.1%)	33 (34.0%)
22	Tahu tentang hak pelajar pendidikan khas untuk menduduki peperiksaan awam	13 (13.4%)	7 (7.2%)	13 (13.4%)	37 (38.1%)	27 (27.8%)
23	Keputusan peperiksaan awam pelajar pendidikan khas tidak mengganggu prestasi sekolah	5 (5.2%)	5 (5.2%)	13 (13.4%)	33 (34.0%)	41 (42.3%)
24	Dengan mengajar pelajar pendidikan khas saya dapat memahami tentang keperluan pelajar	4 (4.1%)	6 (6.2%)	30 (30.9%)	34 (35.1%)	23 (23.7%)

n=97

Daripada data yang diperoleh dapat diperhatikan bahawa pandangan guru berkenaan pelajar pendidikan khas yang diinkluskikan telah berubah dari masa ke semasa. Hal ini dibincangkan oleh Lindsay (2007) yang mengatakan dengan berlakunya perubahan dalam pendidikan khas melalui inklusif yang dijalankan perubahan akan dapat dilihat dengan ketara apabila guru-guru mula menerima kehadiran pelajar ini di kelas aliran perdana. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ainscow (2008) hal ini memerlukan usahasama yang kuat dalam kalangan guru pendidikan khas dan guru aliran perdana dalam menerangkan keperluan dan objektif inklusif dilaksanakan. Data yang diperoleh dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa sekumpulan besar guru yang terlibat dengan inklusif bersedia untuk mengajar dan yakin dengan kebolehan pelajar pendidikan khas.

Sebagaimana yang dibincangkan oleh Hick & Thomas (2009), kenyataan beliau berkenaan kesediaan guru mempunyai kesamaan dan dibuktikan dengan dapatan dalam kajian ini. Ia merujuk kepada faktor yang menyokong pelajar yang menduduki peperiksaan tidak diberikan halangan. Walaupun sistem pendidikan mempunyai peperiksaan awam tetapi hak untuk belajar dan menduduki peperiksaan tidak menjadi halangan. Perbincangan Lipsky & Gardner (2008) berkenaan hak pelajar pendidikan khas juga menyokong dapatan kajian ini.

Kajian yang dijalankan oleh Kezar (2006); Smith et al. (2008) telah menunjukkan bahawa keperluan guru yang mengajar pelajar pendidikan di kelas aliran perdana iaitu inklusif sangat perlu dan mereka menyatakan penyesuaian terhadap pedagogi akat dapat membantu guru aliran perdana menyesuaikan dan mempelbagaikan teknik pengajaran mereka selain mendapat kerjasama daripada guru pendidikan khas. Secara tidak langsung semua usaha ini akan melihatkan kepada pihak berwajib bahawa terdapat kajian-kajian lepas yang menyokong dapatan daripada kajian ini berkenaan keperluan guru mendapatkan kemahiran melalui kursus-kursus agar dapat meningkatkan semangat kerjasama dalam melaksanakan inklusif.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa, perlu ada hubungan di antara guru bagi memudahkan komunikasi guru dengan guru dan pelajar dengan guru aliran perdana. Sebagaimana yang dikatakan oleh Glatthorn et al. (2006) dan Glickman et al. (1998) perlaksanaan inklusif perlu mengaitkan hubungan antara pendidikan khas dan aliran perdana dengan menyatakan bagaimana konsep itu boleh dijelmakan dan ianya disokong oleh (Klingner & Vaughn, 2002). Walau bagaimanapun didapati terdapat hubungan yang agak renggang kerana menurut beliau konsep yang ada di dalam pendidikan khas itu perlu dibawa masuk ke dalam aliran perdana kerana proses penyerapan dan asimilasi hanya akan berlaku jika pendidikan khas itu ditakrifkan sebagai tanggungjawab, pembangunan profesional dan organisasi.

Menurut Kezar (2006) dan Kerlinger (2006) mereka mendapati bahawa majoriti guru-guru adalah bersetuju dengan konsep inklusif. Ini memberikan gambaran bahawa inklusif adalah satu praktis pendidikan. Dalam kajian beliau mendapati bahawa minat guru tentang perlaksanaan inklusif akan memberikan impak kepada keperluan sokongan dan hal ini akan membolehkan guru berjaya menjalankan inklusif. Sokongan yang diperlukan oleh guru adalah sesuatu yang mudah seperti peruntukan masa untuk menghasilkan bahan-bahan pembelajaran selain memerlukan pengurusan yang efektif dalam persediaan untuk menyediakan pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan yang pelbagai. Dalam perlaksanaan inklusif terdapat juga dapatan kajian yang membincangkan tentang persepsi guru dan kesannya kepada inklusif terutamanya bagi murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran (Treffinger et al. (2008). Dalam kajian yang dilakukan di dapati bahawa 13 daripada 30 orang pelajar yang ditempatkan di kelas inklusif adalah pelajar bermasalah pembelajaran. Pendekatan yang dilaksanakan adalah *co-taugh* dimana guru aliran perdana dan guru pendidikan khas mengajar bersama-sama di dalam kelas yang sama. Semua pelajar di dalam kelas ini diberikan pendedahan kepada kurikulum yang mengikut kesesuaian umur mereka.

Hasil kajian yang dijalankan didapati hampir semua pelajar pendidikan khas di dalam kelas tersebut menunjukkan perubahan dari segi pencapaian akademik dan sahsiah. Dari segi pencapaian akademik didapati peningkatan yang amat positif disamping mempunyai daya keyakinan diri yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak diinkluskikan (Friend, 2007; Kudlacek et al., 2009). Bagi pelajar aliran perdana pula mereka menunjukkan motivasi yang tinggi untuk bersaing selain pembentukan sahsiah diri yang lebih sensitif kepada pelajar pendidikan khas dan ini diharapkan akan berkekalan untuk membentuk masyarakat yang prihatin kelak. Ibu bapa bagi kedua-dua kumpulan pelajar pula sangat berpuas hati dengan perlaksanaan inklusif dan menyokong agar usaha ini dikekalkan.

Pendekatan pendidikan inklusif akan melibatkan pengajaran kanak-kanak kurang upaya di sekolah-sekolah khas dan di kelas-kelas aliran perdana dan dijalankan oleh guru aliran perdana (Golder et al. 2005). Menurut mereka pendekatan ini akan memberikan peluang kepada pelajar-pelajar berinteraksi dan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan ia akan memberikan peluang kepada semua pelajar merasai semangat persekolahan yang lebih efektif dan bermakna.

KESIMPULAN

Daripada kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang wajar dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pelajar pendidikan khas adalah dengan menjalankan inklusif. Persepsi yang positif guru aliran perdana berkenaan perlaksanaan inklusif sangat diperlukan bagi membolehkan peluang belajar dapat diberikan kepada pelajar pendidikan khas. Kesediaan dan teknik pengajaran perlu diberikan penekanan agar perlaksanaan inklusif ini dapat dijalankan dengan sistematik dan dapat mencapai matlamat inklusif terutamanya daripada segi tahap penerimaan guru aliran perdana yang bertanggungjawab untuk memastikan inklusif dapat dilaksanakan. Penerimaan terhadap pelajar perlu diberikan perhatian khusus disamping keperluan guru seperti latihan khusus berkenaan pedagogi perlu diberikan keutamaan bagi memastikan kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar mendapat manfaat daripada program yang telah tersedia. Pendekatan ini akan memberikan banyak manfaat kepada pelajar khususnya dan kepada masyarakat umum amnya. Berpanduan kepada cara perlaksanaan inklusif di sekolah dan bagaimana pihak-pihak tertentu menjalankan tanggungjawab mereka ia dapat mengurangkan pergantungan pelajar pendidikan khas kepada akses mudah seperti guru dan rakan-rakan. Diharapkan dengan

inklusif ini ia akan memberikan peluang berdikari selain mengurangkan *stigmatisme* dan *labeling* yang diberikan kepada para pelajar pendidikan khas sejak sekian lama.

RUJUKAN

- Ainscow, M. (2008). *Teaching for diversity: the next big challenge*. The Sage handbook of curriculum and instruction. USA: Sage Publications, Inc.
- Akta Pendidikan (1996). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Blankers, M. & Grohol, J. & Prochaska, J.J. (2012). Broad Reach and Targeted Recruitment Using Facebook for an Online Survey of Young Adult Substance Use. *Journal of Computer-Mediate Communication*. 14(1). 28
- Friend, M. (2007). *The coteaching partnership*. *Educational Leadership*. 64(5). 48-52
- Glatthorn, A. A., Boschee, F., Whitehead, B.M. (2006) *Curriculum Leadership Development and Implementation*. California: SAGE Publications
- Glickman, C. D., Gordon, S. P., Ross-Gordon, J. M. (1998). *Supervision of Instruction A Developmental Approach*. 4th Ed. USA. Allyn and Bacon.
- Golder, G., Norwich, B., & Bayliss, P. (2005). Preparing teachers to teach pupils with special educational needs in more inclusive school: evaluating a PGCE development. *British Journal of Special Education*. 32(2). 92-99
- Hick, P., & Thomas, G. (2009). *Inclusion and Diversity in Education*. Vol. 1: Inclusive Education as Social Justice. Los Angeles: Sage Publications.
- Kezar, A. (2006). Redesigning for collaboration in learning initiatives: An examination of four highly collaborative campuses. *Journal of Higher Education*. 77(5)
- Klingner, J., & Vaughn, S. (2002). The changing role and responsibilities of an LD specialist. *Learning Disabilities Quarterly*. 25(1), 19-31.
- Kudlacek, M., Bocarro, J., Jirasek, I., & Hanus, R. The Czech Way of Inclusion Through an Experiential Education Framework. *Journal of Experiential Education*. (2009). 32(1). 14-27.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lindsay, G. Educational psychology and the effectiveness of inclusive education/mainstreaming. *British Journal of Educational Psychology*. (2007). 77. 1-24.
- Lipsky, D.K., & Gartner, A. (2008). *Inclusion: A service not a place*. Port Chester, NY: Dude Publishing.
- Sheehy, K., Nind, M., Rix, J., & Simmons, K. (2005). *Ethics and Research in Inclusive Education: Values into Practice*. London: Routledge Falmer.
- Smith, T. E. C., Polloway, E. A., Patton, James. R., Dowdy, C. A. (2008). *Teaching Students with Special Needs in Inclusive Setting*. 5th Ed. Boston: Pearson Allyn And Bacon
- Treffinger, D. J., Young, G. C., Nassab, C. A., Selby, E. C., Wittig, C. V. (2008). *The Talent Development Planning Handbook: Designing Inclusive Gifted Programs*. California: Corwin Press
- Wright, K. B. (2005). Researching Internet-Based Populations: Advantages and Disadvantages of Online Survey Research, Online Questionnaire Authoring Software Packages, and Web Survey Services. *Journal of Computer-Mediated Communication*. 10(3).